



04 MAY, 2025

## Residensi Kecapi terbengkalai 10 tahun dilancarkan

Berita Harian Ahad, Malaysia

# Residensi Kecapi terbengkalai 10 tahun dilancarkan

**Kuala Lumpur:** Projek perumahan Residensi Kecapi yang terbengkalai hampir 10 tahun dilancarkan semalam, oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Projek di Sentul itu memabitkan 250 unit kediaman dan ia antara usaha kerajaan dalam menyediakan perumahan mampu milik kepada komuniti bandar, khususnya golongan berpendapatan rendah.

Dr Zaliha berkata, unit yang ditawarkan berkeluasan 60.4 meter persegi dan dilengkapi tiga bilik serta dua bilik air.

"Saya kira ia selesa untuk didiami," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran di sini, semalam.

Residensi Kecapi turut dilengkapi pelbagai kemudahan seperti surau, dewan orang ramai, tempat letak kenderaan dan ruang perniagaan bagi memenuhi keperluan harian penduduk.

Turut diadakan program pembangunan komuniti dengan kerjasama Universiti UCSI yang menasarkankan pembangunan anak-anak daripada komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Dr Zaliha berkata, program



Dr Zaliha meninjau ruang dalam unit Residensi Kecapi selepas pelancaran projek berkenaan di Sentul, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

itu sejajar dengan inisiatif Program Usaha Jaya Insan (PUJI) di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan yang bertujuan membasmi kemiskinan bandar.

"Kerjasama strategik seperti ini wajar dicontohi pemaju lain agar komuniti yang dibangunkan bukan sahaja mempunyai

rumah, tetapi juga menjadi masyarakat sejahtera dan melahirkan generasi peneraju negara," katanya.

Daripada 250 unit dibina, 175 unit ditawarkan kepada penduduk setempat dan setakat ini 27 daripadanya ditandatangani bakal penghuni.



Residensi Kecapi babitkan 250 unit kediaman.



04 MAY, 2025

## Residensi Kecapi terbengkalai 10 tahun dilancarkan

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kuala Lumpur: Projek perumahan Residensi Kecapi yang terbengkalai hampir 10 tahun dilancarkan semalam, oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa. Projek di Sentul itu membabitkan 250 unit kediaman dan ia antara usaha kerajaan dalam menyediakan perumahan mampu milik kepada komuniti bandar, khususnya golongan berpendapatan rendah. Dr Zaliha berkata, unit yang ditawarkan berkeluasan 60.4 meter persegi dan dilengkapi tiga bilik serta dua bilik air.